

Rozman pengerusikan mesyuarat penubuhan program minyak dan gas

NST 24.7.13 8

LABUAN: Ahli Parlimen Labuan, Rozman Datuk Isli telah memengerusikan mesyuarat penubuhan program minyak dan gas di Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), kelmarin.

Taklimat mengenai program tersebut disampaikan oleh Dekan Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat (SKTM), UMS, Prof Madya Dr Rosalam Sabarty di Bilik Seminar UMSKAL.

Turut hadir Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan dan Pengurusan), Perbadanan

Labuan, Amir Onn Mustapha dan Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Ismail Ali.

Hadir sama wakil industry berkaitan minyak dan gas termasuk Petronas Chemicals Methanol, Labuan Shipyard Engineering dan Asian Supply Base, pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) dan wakil jabatan dan agensi kerajaan.

Rozman yang juga Pengerusi Perbadanan Labuan mengalu-alukan penubuhan program tersebut sesuai dengan kedudukan Labuan sebagai hab minyak dan gas di rantau ini. - **OLEH JAIN-UDIN DJIMIN**



PENGHARGAAN....
Rozman (empat kiri) menerima cendera mata daripada Dr Rosalam sambil diperhatikan Dr Ismail (empat kanan) selepas mesyuarat di Bilik Seminar UMSKAL, kelmarin.